

BAB

V

BAB V

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA

Pada peringkat awalnya, penulis mengandaikan bahwa permasalahan dan ketegangan sosial yang akhirnya mendorong kepada kelemahan institusi politik di Andalus ini adalah disebabkan oleh semangat '*asabiyyah*' yang begitu tebal terutamanya di kalangan suku-suku Arab di Andalus. Namun begitu, setelah dibuat kajian secara teliti, penulis berpendapat bahwa permasalahan ini bukanlah dicituskan oleh semangat '*asabiyyah*' semata-mata tetapi disebabkan oleh beberapa faktor lain seperti perebutan kuasa, kekayaan dan kedudukan di kalangan penduduk Andalus dari pelbagai asal usul keturunan.

Aspek penting yang tidak harus dipandang ringan dalam perbincangan bab pertama disertasi ini adalah mengenai aspek kelemahan struktur sosial, politik, ekonomi dan pertahanan kerajaan Visigoth yang telah membuka ruang kepada kejayaan penaklukan Islam ke atas Andalus. Kejayaan ini membuktikan bahawa wujud hubungan yang erat di antara aspek sosial, politik dan ekonomi dalam menentukan jatuh bangunnya pemerintahan sesebuah negara. Kelemahan institusi pemerintahan negara akan memudahkan penguasaan kuasa lain ke atas sesebuah negara dan begitulah sebaliknya.

Dalam perbincangan bab pertama, penulis turut menjelaskan bahawa permasalahan di antara anasir sosial yang ada di Andalus belum jelas kelihatan di awal penaklukan Islam di Andalus. Apa yang pasti, pada ketika itu dapat dilihat satu

bentuk kerjasama di antara tentera-tentera Islam yang terdiri daripada orang-orang Arab, Barbar dan juga beberapa anasir masyarakat Andalus bagi menjatuhkan kerajaan Goth. Usaha penaklukan ini turut mendapat bantuan dan sokongan daripada penduduk tempatan terutamanya orang-orang Yahudi yang telah sekian lama tertindas di bawah pemerintahan kerajaan Goth.

Permasalahan di antara anasir sosial ini mula dikesan setelah tentera-tentera penakluk dari bangsa Arab dan Barbar mula membuat penempatan di Andalus bersama-sama dengan penduduk asal Andalus sebagaimana yang telah penulis bincangkan dalam bab dua. Masyarakat Andalus sebelum kemasukan Islam sememangnya telah terdiri daripada masyarakat majmuk. Kemasukan penakluk-penakluk Islam dari kalangan Arab dan Barbar menambahkan lagi elemen masyarakat di Andalus pada ketika itu. Dengan ini, unsur-unsur masyarakat Andalus yang ada pada ketika itu dapat dibahagikan kepada dua golongan utama iaitu orang-orang Islam dan bukan Islam. Penduduk Islam Andalus terdiri daripada beberapa golongan seperti golongan Arab, Barbar, *al-Mawālī*, *al-Musālamah* dan *Muwallad* manakala kumpulan bukan Islam pula terdiri daripada orang-orang Kristian yang digelar sebagai *Musta'rib* dan juga orang-orang Yahudi. Setiap elemen masyarakat ini mempunyai susur galur keturunan, aqidah dan kebudayaan yang berbeza di antara satu sama lain. Elemen-elemen ini saling berkaitan antara satu sama lain sama ada disebabkan pergaulan, perkahwinan dan sebagainya.

Pada zaman awal ini, permasalahan di antara tentera-tentera Islam dan penduduk asal Andalus masih belum kelihatan. Tambahan pula, ramai di antara

penduduk tempatan yang merasakan bahawa tentera-tentera Islam adalah penyelamat mereka setelah sekian lama tertindas di bawah pemerintahan Goth. Ini dapat dibuktikan dengan bertambahnya bilangan penduduk tempatan yang memeluk Islam dari sehari ke sehari. Golongan *al-Mawālī*, *al-Musālamah* dan *Muwallad* serta kumpulan bukan Islam seperti orang-orang Kristian dan Yahudi turut mempunyai kawasan penempatan dan hak mereka yang tersendiri sepertimana yang telah penulis bincangkan dalam bab dua. Keadilan dan layanan baik yang diberikan kepada mereka menyebabkan tiada sebarang penentangan atau pertelingkahan yang ditimbulkan oleh golongan ini sepanjang zaman pemerintahan bergabenor.

Golongan Arab di Andalus pula terbahagi kepada dua golongan utama iaitu orang Arab *Baladī* dan Arab *Syāmī*. Kedua-dua kumpulan ini mempunyai susur galur keturunan dan kawasan penempatan mereka yang tersendiri. Satu perkara menarik untuk dikaji dari segi aspek pembahagian kedua-dua golongan ini ialah pembahagian yang bukan didasarkan oleh susur galur keturunan tetapi oleh faktor masa kemasukan mereka ke Andalus sebagaimana yang telah penulis bincangkan dalam bab dua. Orang Arab *Baladī* yang masuk ke Andalus bersama-sama Tāriq bin Ziyād, Mūsā bin Nusayr dan al-Hurr bin ‘Abdulahmān al-Thaqafī mendapat kelebihan dari segi harta, kuasa dan pengaruh kerana mereka lebih dahulu sampai dan menetap di Andalus. Secara kebetulannya, orang Arab dalam kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada keturunan Yamani. Orang-orang Arab *Syāmī* pula terdiri daripada tentera-tentera Arab di bawah pimpinan Balj bin Bishr al-Qusairī dan Abū al-Khattār bin Dirār al-Kalbī yang masuk ke Andalus agak lambat berbanding orang-orang Arab

Baladī. Secara kebetulannya, ramai dari tentera Syam itu terdiri dari mereka yang berketurunan Arab Qays.

Pembahagian kepada dua kumpulan *Baladī* dan *Syāmī* ini walau bagaimanapun hanya terhad kepada golongan Arab sahaja. Orang-orang Barbar pula dibahagikan mengikut suku asal mereka seperti Butr, Barānis, Masmūda, Hawwāra, Nafza, Zanāta, Miknāsa dan Mitgara. Pada peringkat awalnya, tidak wujud sebarang pertelingkahan besar di antara orang-orang Arab *Baladī* berhubung aspek penempatan mahupun pemerintahan. Permasalahan serius yang dapat dilihat pada zaman awal pemerintahan bergabenor ialah permusuhan di antara orang-orang Arab dan Barbar hinggalah akhirnya mencetuskan pemberontakan di Andalus. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab tiga, pemberontakan ini mungkin secara tidak langsungnya dipengaruhi oleh pemberontakan yang telah dicituskan oleh orang-orang Barbar di Afrika Utara. Pemberontakan yang dicituskan di dua tempat yang berlainan oleh bangsa yang sama ini wajar dikaji dengan teliti. Ini adalah kerana tidak mungkin pemberontakan dicituskan oleh orang-orang Barbar di Andalus semata-mata mengikut tindakan pemberontak Barbar di Afrika Utara tanpa alasan yang kukuh.

Dari segi logiknya, tindakan mencetuskan pemberontakan merupakan suatu tindakan yang berisiko tinggi. Ini adalah kerana hukuman bagi pemberontak amatlah berat sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Atas sebab inilah penulis berpendapat bahawa sudah semestinya orang-orang Barbar ini mempunyai alasan yang begitu kuat untuk mencetuskan pemberontakan ke atas pemerintah Arab di Afrika Utara dan juga Andalus.

Sekiranya kita melihat kepada aspek penempatan, sememangnya ia boleh menjadi faktor yang mengundang ketidakpuasan hati di kalangan orang-orang Barbar di Andalus. Jika diperhatikan, ramai sarjana bersetuju bahawa terdapat pembahagian tanah yang tidak sekata di antara orang-orang Arab dan Barbar di Andalus. Bukti-bukti yang ada turut menunjukkan bahawa orang-orang Arab mendapat kebanyakan kawasan yang subur dan kaya dengan hasil galian dan mineral di Andalus. Kawasan-kawasan yang didiami oleh orang-orang Barbar kebanyakannya merupakan kawasan yang kurang subur dan terletak di kawasan pergunungan. Walaupun ada kawasan kaya dengan hasil galian dan mineral yang didiami oleh orang-orang Barbar namun peratusannya amatlah kecil jika dibandingkan dengan peratusan tanah subur dan kaya yang dimiliki oleh orang-orang Arab. Jika diperhatikan dengan teliti, antara kawasan kaya yang didiami oleh orang-orang Barbar ialah kawasan pergunungan yang sememangnya tidak diminati oleh orang-orang Arab seperti Pergunungan Almadden yang turut dikenali dengan nama *Jibāl al-Ma'ādīn*.

Sesetengah ahli sejarah melaporkan bahawa tempat kediaman orang-orang Barbar adalah dipilih atas pilihan mereka sesuai dengan sifat tabie mereka dan sama seperti tempat kediaman mereka di Afrika Utara. Walau bagaimanapun, setelah beberapa dekad, ada kemungkinannya mereka merasakan bahawa tempat kediaman pilihan orang-orang Arab memberikan kesan yang lebih baik bagi kemajuan ekonomi mereka. Ini mungkin mengundang rasa cemburu dan tidak puas hati kepada orang-orang Arab sehingga mampu mencetuskan permusuhan dan juga pemberontakan. Tambahan pula, keadaan geografi kawasan kediaman orang-orang Barbar yang

bergunung-ganang memudahkan mereka mencari perlindungan serta menyukarkan pihak pemerintah mengambil tindakan ke atas mereka dalam jangka masa pendek.

Aspek lain yang pada pandangan penulis mungkin turut menjadi punca permasalahan di antara orang-orang Arab dan Barbar ialah persoalan tampuk pemerintahan, kekuasaan dan kedudukan yang nyata didominasi oleh orang-orang Arab. Hal ini hanya mengundang lebih banyak kekecewaan bagi pihak orang-orang Barbar. Jika diperhatikan, peranan orang-orang Barbar sebagai pemimpin hanya dapat dilihat sewaktu penaklukan. Walaupun peranan orang-orang Barbar agak besar dalam memastikan kejayaan penaklukan tersebut tetapi tiada pemimpin Barbar yang dianggap begitu berwibawa bagi menerajui pimpinan Andalus sebagai Gabenor selepas penaklukan tersebut. Sekiranya alasan yang diberikan oleh orang-orang Arab ialah tiadanya kelayakan orang-orang Barbar untuk memerintah maka alasan tersebut pada pandangan penulis adalah tidak relevan. Kejayaan Tāriq bin Ziyād dalam memimpin pasukan tentera Islam bagi menakluki Sepanyol membuktikan bahawa beliau mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik. Sebagai membalas jasanya yang agak besar dalam menawan Sepanyol, sewajarnya beliau dikurniakan pangkat dan kedudukan yang agak tinggi dalam pemerintahan Islam Sepanyol. Walau bagaimanapun, keadaan sedemikian tidak berlaku. Pada pandangan penulis, hal ini membuktikan terdapatnya "*double-standard*" dari segi pemilihan pemimpin di Andalus.

Sekiranya diperhatikan, penafian kekuasaan bangsa lain selain Arab ini tidak hanya dapat dilihat pada zaman pemerintahan kerajaan Banī Umayyah di Sepanyol.

Keadaan ini turut kelihatan sewaktu zaman-zaman pemerintahan Arab yang lainnya. Pada zaman pemerintahan kerajaan Banī Abbasiyah, pimpinan Arab dengan mudah menghapuskan pengaruh keluarga Parsi setelah peranan mereka tidak lagi diperlukan. Jika difikirkan secara kritikal, seakan jelas kepada kita bahawa sememangnya semangat ketuanan di kalangan orang-orang Arab begitu tebal hingga tidak memungkinkan mereka mengiktiraf bangsa yang lain sebagai pemimpin yang sama tarafnya dengan mereka. Mungkin atas sebab yang samalah Rasulullah S.A.W. diturunkan di kalangan orang-orang Arab dengan membawa mesej persamaan taraf dan menekankan unsur taqwa dan aqidah sebagai unsur penyatuan umat Islam.

Belumpun tamat pertelingkahan antara orang-orang Barbar dan Arab, permasalahan baru timbul di Sepanyol setelah masuknya tentera-tentera Arab Syria ke Sepanyol. Sebelum kemasukan tentera-tentera Syria yang dikenali dengan nama Arab *al-Syamī* ini, persoalan siapa yang lebih berkuasa tidak pernah timbul kerana hanya ada satu golongan Arab di Andalus iaitu orang-orang Arab *al-Baladī*. Kemasukan orang-orang Arab *Syamī* ke Andalus telah memaksa adanya perkongsian tiga aspek penting yang sebelum ini hanya didominasi oleh orang-orang Arab *Baladī* iaitu harta, kuasa dan kedudukan sebagaimana yang telah penulis bincangkan dalam bab dua. Kemasukan orang-orang Arab *al-Syamī* ini juga telah membuka ruang kepada persaingan bagi merebut tampuk pemerintahan di Andalus. Ini adalah kerana kekuasaan yang dimiliki akan dapat menjamin kedudukan dan kepentingan masing-masing.

Pada pandangan penulis, persaingan di antara dua golongan inilah yang membuktikan bahawa isu *'asabiyah* atau fanatik kesukuan tidak pernah timbul. Pandangan penulis ini adalah didasari fakta bahawa tidak ada satu suku Arab pun dari golongan Arab *al-Baladī* atau *al-Syamī* yang begitu ramai bilangannya di Sepanyol hingga memungkinkan mereka hidup dengan sendirinya tanpa bergantung kepada suku-suku lain dan seterusnya menebalkan semangat *'asabiyah* mereka terhadap suku masing-masing. Sekiranya ada semangat *'asabiyah* yang ditimbulkan maka pada pandangan penulis semangat *'asabiyah* ini bukanlah terhadap suku masing-masing tetapi lebih kepada semangat *'asabiyah* terhadap kumpulan mereka sama ada Arab *al-Baladī* atau *al-Syamī*.

Dari aspek pemerintahan gabenor di Andalus, perlantikan seorang demi seorang gabenor yang memerintah dalam jangkamasa yang singkat sudah cukup untuk membuktikan bahawa tidak wujud kestabilan politik di Andalus pada zaman pemerintahan bergabenor di Andalus. Perbincangan dalam bab tiga mengenai pergolakan politik pada zaman bergabenor memberikan tumpuan kepada tiga aspek penting berkaitan anasir masyarakat yang mencetuskan ketidakstabilan politik di Andalus. Aspek-aspek ini adalah berkaitan isu penguasaan golongan Arab ke atas Andalus, pemberontakan Barbar dan konflik di antara orang-*Baladī* dan *al-Syamī*. Perbincangan mengenai isu-isu ini jelas menunjukkan bahawa faktor utama yang mencetus ketidakstabilan sosial dan politik di Andalus ialah ketidakpuasan hati mengenai tiga aspek utama iaitu harta, pangkat dan kedudukan.

Pergolakan yang dicituskan oleh pelbagai anasir masyarakat Sepanyol ini telah memberikan kesan kepada kestabilan politik Sepanyol dan mendorong kepada kelemahan pemerintahan bergabenor. Kelemahan pemerintahan pada zaman Gabenor ini telah memberikan ruang untuk 'Abdulrahmān *al-Dākhil* membina kekuatan dan seterusnya menjatuhkan pemerintahan bergabenor serta menubuhkan kerajaan Banī Umayyah di Sepanyol. Pergolakan yang dicituskan oleh anasir-anasir masyarakat Sepanyol ini pada hakikatnya bukan hanya terhad pada zaman pemerintahan bergabenor malah turut berpanjangan ke zaman-zaman lain selepasnya. Sebagai contohnya, pada zaman pemerintahan *al-Imārah* (132H/ 750M - 316H/ 929M), lahir apa yang diistilahkan oleh ahli sejarah sebagai zaman negara *Tawā'if* pertama iaitu pada zaman pemerintahan Muhammad 'Abdulrahmān, al-Munzar Muhammad dan Abdullāh Muhammad. Pada zaman ini turut berlaku banyak pemberontakan yang telah dicituskan oleh pelbagai anasir masyarakat. Zaman pemerintahan berkhalfah (316H/929M -422H/1030M) di Sepanyol pula diakhiri dengan era zaman negara-negara *Tawā'if* kedua (422H/1030M-484H/1092M). Pada zaman ini Sepanyol diperintah bukan lagi di atas kesatuan Khalifah tetapi oleh pelbagai kaum. Perkembangan ini membuktikan bahawa keadaan masyarakat Sepanyol Islam yang terdiri daripada pelbagai kaum telah menyukarkan proses membentuk kesatuan sosial dan politik di Sepanyol dalam tempoh masa yang panjang.

Kesemua bukti yang ada ini membuktikan bahawa elemen sosial turut mempengaruhi jatuh bangunnya sesebuah kerajaan. Tentera Islam berjaya menguasai Sepanyol setelah kerajaan Goth dilemahkan oleh penentangan rakyatnya. Demikian juga pemerintahan Gabenor yang terakhir iaitu Yūsuf al-Fihri dilemahkan oleh

permasalahan yang dicetuskan oleh anasir masyarakatnya. Keadaan ini akhirnya membolehkan 'Abdulrahmān bin Mu'āwiyah menamatkan pemerintahan bergabenor dan menubuhkan pemerintahan kerajaan Banī Umayyah di Sepanyol. Begitulah juga halnya dengan zaman akhir pemerintahan berkhalifah di Sepanyol yang menyaksikan kelemahan umat Islam disebabkan terjadinya fitnah dan pemberontakan hingga akhirnya membawa kepada perpecahan umat Islam dengan tertubuhnya *Mulūk al-Tawā'if*. Pada masa tersebut, Sepanyol sudah berada di ambang kejatuhan. Walaupun ada usaha untuk menyelamatkan Sepanyol dengan bantuan daripada Yūsuf Ibn Tashifin namun pada hakikatnya kadar perpecahan masyarakat di Sepanyol sudah terlalu serius hingga tidak dapat diselamatkan lagi. Perpecahan umat Islam ini telah akhirnya memberi ruang kepada orang-orang Kristian di bawah pimpinan Ferdinand dan Isabela untuk menjatuhkan pemerintahan Islam pada tahun 898H / 1492M. Dengan kejatuhan ini, tamatlah penguasaan dan pemerintahan Islam di Sepanyol. Kesemua ini membuktikan bahawa kelemahan institusi sosial akhirnya akan membawa kepada kelemahan dan kejatuhan pemerintahan Islam itu sendiri. Dengan ini jelaslah bahawa perpecahan dan perebutan kuasa, kedudukan serta kekayaan akan hanya merugikan umat Islam sebagaimana yang telah berlaku di Sepanyol.

Wallahua 'lam.